

**CORPORATE INTERNET BANKING (AFFINMAX) TERMS & CONDITIONS****TERMA DAN SYARAT PERBANKAN INTERNET KORPORAT (AFFINMAX)****v1.5**

The Customer may visit the Affin Bank Berhad's ("ABB") and/or Affin Islamic Bank Berhad's ("AiBB") websites at [www.affinalways.com](http://www.affinalways.com) to explore the available banking services and products to facilitate the Customer's business banking needs. These Terms and Conditions will govern the Customer's access and/or use of the AFFINMAX. In consideration of ABB and AiBB (collectively "the Bank") agreeing to make available and/or continuing to make available the AFFINMAX to the Customer, the Customer agrees to abide by the provisions under these Terms and Conditions. For any feedback, inquiry or complain, the Customer may contact our help desk at 03 - 8230 2222 or email us at [affinmax.helpdesk@affingroup.com](mailto:affinmax.helpdesk@affingroup.com). The Customer also may contact BNMTELELINK via call at 1-300-88-5465 (LINK) and email at [bnmtelelink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my) if the complaint cannot be resolved by FSP.

Pelanggan boleh melayari Laman Sesawang Affin Bank Berhad (selepas ini dirujuk sebagai "ABB") dan/atau Affin Islamic Bank Berhad (selepas ini dirujuk sebagai "AiBB") di [www.affinalways.com](http://www.affinalways.com) untuk meneroka pelbagai produk dan servis perbankan untuk memenuhi keperluan perbankan perniagaan. Terma dan Syarat ini akan mengawal akses dan/atau penggunaan AFFINMAX. ABB dan AiBB (disatukan sebagai "Bank") bersetuju untuk menyediakan dan/atau terus menyediakan khidmat AFFINMAX kepada Pelanggan, Pelanggan bersetuju untuk mematuhi peruntukan di bawah Terma dan Syarat ini. Untuk sebarang maklumbalas, pertanyaan atau aduan, Pelanggan boleh menghubungi Pusat Panggilan Bank melalui panggilan di 03 - 8230 2222 atau email kami di [affinmax.helpdesk@affingroup.com](mailto:affinmax.helpdesk@affingroup.com). Pelanggan juga boleh menghubungi BNMTELELINK melalui panggilan di 1-300-88-5465 (LINK) dan e-mel di [bnmtelelink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my) jika aduan tersebut tidak dapat diselesaikan oleh FSP.

**Terms of Access****Terma Akses**

**Please take a moment to read these terms and conditions carefully.**

**Sila ambil sedikit masa untuk membaca terma dan syarat ini secara teliti.**

The Customer is reminded to read and understand the terms and conditions of AFFINMAX. In the event there are any terms and conditions that the Customer does not understand, the Customer is advised to seek independent advice and/or discuss further with the Bank's representative.

Pelanggan diingatkan untuk membaca dan memahami terma dan syarat AFFINMAX. Sekiranya terdapat terma dan syarat yang tidak difahami oleh Pelanggan, Pelanggan dinasihatkan untuk mendapatkan penjelasan dan/atau berbincang lebih lanjut dengan wakil Bank.

If the Customer do not accept these terms and condition, please immediately discontinue the access to this Website and / or use of its services.

Jika Pelanggan tidak bersetuju dengan terma dan syarat ini, sila hentikan akses kepada Laman Sesawang ini dan/atau penggunaan perkhidmatannya dengan segera.

It is important for the Customer to read these Terms and Conditions carefully before using this Website. The Customer is to note that the Customer's access or use of this Website shall be at the Customer's own risk and initiative, and the Customer shall be responsible for compliance of all applicable laws.

la adalah penting untuk Pelanggan membaca semua Terma dan Syarat secara berhati-hati sebelum menggunakan laman sesawang ini. Pelanggan perlu mengambil perhatian bahawa akses Pelanggan atau penggunaan laman sesawang ini adalah di bawah risiko dan inisiatif pelanggan sendiri, dan Pelanggan harus bertanggungjawab untuk undang-undang yang berkaitan.

## **1. Governing Terms and Conditions**

### **Terma dan Syarat yang Mentadbir**

**1.1** All products and services of the Bank and its partners provided in this Website are subject to the terms and conditions of the applicable agreements governing their use. These Terms and Conditions are meant to regulate the Customer's access to this Website and they are to be read together with the applicable terms and conditions governing any transaction(s), product(s) and/or service(s) provided in this Website. In the event of conflict between these Terms and Conditions and the terms and conditions governing the relevant transaction(s), product(s) and/or service(s) provided in this Website, the latter will prevail but only to the extent of such conflict.

Semua produk dan perkhidmatan Bank dan rakan kongsinya yang disediakan di sini adalah tertakluk kepada terma dan syarat berkaitan yang mentadbir penggunaannya. Terma dan Syarat ini bertujuan untuk mengawal akses Pelanggan ke laman sesawang ini dan kesemuanya akan dibaca bersama dengan terma dan syarat yang berkaitan yang mentadbir sebarang transaksi, produk dan/atau perkhidmatan yang disediakan di laman sesawang ini. Sekiranya terdapat konflik di antara terma dan syarat ini dan terma dan syarat yang mengawal transaksi, produk dan/atau perkhidmatan yang diberikan di sini, terma dan syarat yang kedua akan digunakan tetapi hanya setakat konflik tersebut sahaja.

**1.2** All transactions and dealings effected by using the services are subject to these Terms and Conditions and other related terms issued by the Bank including the Disclaimer, Client Charter, Privacy and Security Policy; Terms of Use on the Internet site of the Bank where the services are provided and the User Guide (collectively, 'Terms and Conditions'). All other terms and conditions governing the relevant accounts, transactions, dealings, services, product information, goods, benefits or privileges shall continue to apply but where there is any discrepancy, the Terms & Conditions shall prevail for the purposes of the services.

Semua transaksi yang dilaksanakan dengan menggunakan perkhidmatan adalah tertakluk kepada Terma dan Syarat ini dan terma lain yang berkaitan yang dikeluarkan oleh Bank termasuk Penafian, Piagam Pelanggan, Dasar Privasi dan Keselamatan; Terma Penggunaan di laman sesawang Bank di mana perkhidmatan disediakan dan Panduan Pengguna (secara kolektif, 'Terma dan Syarat'). Semua terma dan syarat lain yang mengawal akaun, transaksi, perkhidmatan, maklumat produk, barang-barang, faedah atau keistimewaan yang berkaitan akan terus digunakan tetapi jika terdapat sebarang percanggahan, Terma dan Syarat ini akan diguna pakai untuk tujuan perkhidmatan tersebut.

## 2. Interpretation

### Tafsiran

#### 2.1 Words incorporating the singular shall include the plural and vice versa.

Perkataan yang disebut tunggal hendaklah termasuk majmuk dan sebaliknya.

#### 2.2 Words incorporating the masculine gender shall include the feminine and neuter gender and vice versa.

Any banking term not specifically defined or described in this document shall be construed in accordance with the general practice of banks and financial institutions in Malaysia.

Perkataan yang disebut maskulin hendaklah termasuk feminin dan neutral dan sebaliknya. Sebarang terma perbankan yang tidak ditakrifkan atau diterangkan secara khusus hendaklah ditafsirkan mengikut amalan am bank dan institusi kewangan di Malaysia.

## 3. Definition

### Definisi

#### 3.1 In these Terms & Conditions where the context so admits, the following expressions shall have the meanings designated as follows unless otherwise distinguished:

Dalam Terma dan Syarat ini, istilah berikut seharusnya membawa maksud seperti di bawah kecuali dinyatakan sebaliknya:

<p>'The Bank' 'Bank'</p>	<p>Means Affin Bank Berhad [Registration No. 197501003274 (25046-T)], and/or Affin Islamic Bank Berhad [Registration No. 200501027372 (709506-V)], companies incorporated in Malaysia having its registered office at Level 17 Menara AFFINBANK, 80 Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Malaysia and includes any of or all its related subsidiary, associates, affiliates and holding company and its successors in title, assigns, legal representatives, and where applicable any of them.</p> <p>Bermaksud Affin Bank Berhad [Nombor Pendaftaran 2197501003274 (25046-T)], dan/atau Affin Islamic Bank Berhad [Nombor Pendaftaran 200501027372 (709506-V)], syarikat yang diperbadankan di Malaysia yang mempunyai pejabat berdaftar di Tingkat 17 Menara AFFINBANK, 80 Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Malaysia dan termasuk mana-mana atau semua anak syarikat, syarikat bersekutu, syarikat gabungan dan syarikat pegangannya dan penggantinya dalam nama, penerima, wakil undang-undang, dan mana-mana yang berkenaan dengannya.</p>
<p>'AFFINMAX'</p>	<p>Means the AFFINMAX Website which the Customer may access using a personal computer terminal, modem and/or any other telecommunication device, over the Internet, upon the correct input of the Customer's Username and Password in accordance with the Terms and Conditions or any other rules and regulations determined by the Bank.</p> <p>Bermaksud laman sesawang AFFINMAX yang membolehkan Pelanggan untuk mengakses menggunakan terminal komputer peribadi, modem dan/atau peranti telekomunikasi yang lain, menggunakan internet, dengan memasukkan nama pengguna dan kata laluan mengikut Terma dan Syarat ini atau apa-apa peraturan lain yang ditentukan oleh Bank.</p>

	<p>Also means the Bank's transactional electronic banking products, services and/or facilities known as the "AFFINMAX", and such other services as may be added, withdrawn, varied or replaced by the Bank at any time and from time to time with valid reason given by the Bank.</p> <p>Ia juga bermaksud produk, perkhidmatan dan/atau kemudahan perbankan elektronik bank yang dikenali sebagai "AFFINMAX", dan perkhidmatan lain yang mungkin ditambah, ditarik balik, diubah atau digantikan oleh pihak Bank pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa mengikut budi bicara mutlak pihak Bank.</p>
<p>'The Bank's procedures' 'Prosedur Bank'</p>	<p>Mean the Bank's procedures as may be set forth in the user manuals relating to the AFFINMAX.</p> <p>Bermaksud prosedur-prosedur Bank yang berkaitan dengan AFFINMAX yang ditetapkan dalam manual pengguna.</p>
<p>'Banking Services' 'Perkhidmatan Perbankan'</p>	<p>Means products and services of the Bank and its Agents as are made available to the Customer on this Website.</p> <p>Bermaksud produk dan servis Bank dan ejennya yang disediakan untuk Pelanggan di dalam laman sesawang ini.</p>
<p>'Service Charge(s)' 'Caj Perkhidmatan'</p>	<p>Means the charge(s) payable by the Customer for the AFFINMAX (including any interest /profit, commission or other applicable charges) in accordance with the Terms and Conditions, whereby such charges, interest/profit, commission or other applicable charges may be varied from time to time.</p> <p>Bermaksud caj yang boleh dibayar oleh Pelanggan untuk AFFINMAX (termasuk sebarang faedah/untung, komisen atau caj lain yang dikenakan) mengikut Terma dan Syarat ini, di mana caj-caj itu, faedah/untung, komisen atau caj lain yang dikenakan, boleh diubah dari semasa ke semasa.</p>
<p>'Business Day' 'Hari Bekerja'</p>	<p>Means any official days that the Bank's Head Office in Kuala Lumpur is open for business.</p> <p>Bermaksud sebarang hari rasmi di mana Ibu Pejabat Bank di Kuala Lumpur beroperasi.</p>
<p>'The Customer(s)' 'Pelanggan'</p>	<p>Means the person or persons in whose name(s) the Account(s) is/are maintained with the Bank and to whom the Bank has agreed to provide AFFINMAX services and where applicable, the Customer's successors in title heirs, assigns or legal representatives. This covers entities of the corporation, partnership, society, club, association or any other entity identified in the AFFINMAX Application Form upon the terms and conditions hereunder.</p> <p>Bermaksud seseorang atau orang yang namanya di Akaun yang dikekalkan di Bank dan kepada sesiapa pihak Bank telah bersetuju untuk menyediakan perkhidmatan AFFINMAX dan mana-mana yang berkenaan, pengganti Pelanggan dalam waris hak milik, penerima atau wakil yang sah. Ini meliputi entiti perbadanan, perkongsian, kelab, persatuan atau mana-mana entiti lain yang dikenal pasti dalam Borang Permohonan AFFINMAX mengikut terma dan syarat di bawah ini.</p>
<p>'Account(s)' 'Akaun'</p>	<p>Means any and all accounts that (a) the Customer maintains with the Bank, which has been nominated and authorised for access and/or use by the Customer (whether in the AFFINMAX Application Form or other related form) and which The Bank has permitted the Customer access and/or use; or (b) the Bank has otherwise provided access to the Customer for information on AFFINMAX; in accordance with the Bank's procedures for purposes of facilitating the Customer's access and/or use of the AFFINMAX.</p>

	<p>Bermaksud sebarang atau semua akaun (a) yang dikekalkan oleh Pelanggan, yang telah dinamakan dan dibenarkan untuk diakses dan/atau penggunaan oleh Pelanggan (sama ada dalam Borang Permohonan AFFINMAX atau borang permohonan yang berkaitan) dan yang telah dibenarkan akses oleh Bank dan/atau penggunaan (b) Bank sebaliknya telah menyediakan akses kepada Pelanggan untuk mendapatkan maklumat mengenai AFFINMAX; mengikut prosedur Bank untuk tujuan memudahkan akses dan/atau penggunaan Pelanggan AFFINMAX.</p>
<p>'Subsidiary Account(s) 'Akaun Anak Syarikat'</p>	<p>Means any and all accounts that any of the Customer's subsidiary (ies) maintains with the Bank, which has been nominated and authorised for access and/or use by such subsidiary and which the Bank has permitted the Customer access and/or use in accordance with the Bank's procedures for purposes of facilitating the Customer's access and/or use of the AFFINMAX.</p> <p>Bermaksud sebarang atau semua akaun yang mana-mana anak syarikat Pelanggan mengekalkan dengan Bank, yang telah dicalonkan dan diberi kuasa untuk mengakses dan/atau penggunaan oleh anak syarikat tersebut dan di mana Bank telah membenarkan akses Pelanggan dan/atau penggunaan mengikut prosedur Bank untuk tujuan memudahkan akses dan/atau penggunaan Pelanggan AFFINMAX.</p>
<p>'Instructions' 'Arahan'</p>	<p>Means any application, authorization, instruction, mandate or request issued by the Customer to the Bank to carry out any one or more of the AFFINMAX permitted by the Bank and includes without limitation any message communicated electronically (email), by fax, by telephone or otherwise.</p> <p>Bermaksud sebarang permohonan, kebenaran, arahan atau permintaan yang dikeluarkan oleh Pelanggan kepada Bank untuk menjalankan mana-mana satu transaksi atau lebih daripada AFFINMAX yang dibenarkan oleh Bank, dan termasuk tanpa batasan sebarang mesej yang disampaikan secara elektronik (e-mel), melalui faks, telefon atau sebaliknya.</p>
<p>'Link' 'Pautan'</p>	<p>Means a link which is marked as a highlighted word, a different/ same colored word and/or a graphic (e.g. a trademarked logo or a button, a URL shortcuts) on the AFFINMAX Website which alerts the user of the AFFINMAX Website to the existence of a link to another page on the Internet or World Wide Web on a site other than the Website.</p> <p>Bermaksud pautan yang ditanda sebagai perkataan yang diserlahkan, perkataan berwarna yang lain/sama dan/atau grafik (contohnya logo tanda dagangan atau butang, pintasan URL) di laman sesawang yang mengingatkan pengguna laman sesawang untuk kewujudan pautan ke halaman lain pada Internet atau World Wide Web di laman selain Laman Sesawang.</p>
<p>'Internet'</p>	<p>Means the global network computers, telecommunications and software which facilitate communication, whether electronic or otherwise, between person(s) and machines.</p> <p>Bermaksud rangkaian komputer global, telekomunikasi dan perisian yang memudahkan komunikasi, sama ada secara elektronik atau sebaliknya, di antara seseorang dan mesin.</p>
<p>'Network Service Provider' 'Pembekal Perkhidmatan Rangkaian'</p>	<p>Means any Internet service provider or any commercial online service provider providing connections to the Internet in addition to its own proprietary network.</p> <p>Bermaksud sebarang pembekal perkhidmatan rangkaian atau mana-mana pembekal perkhidmatan dalam talian komersial yang membekal sambungan kepada Internet sebagai tambahan kepada rangkaian proprietarinya sendiri.</p>

<p>'Password' 'Kata Laluan'</p>	<p>Means a unique string of characters keyed in by the Customer in order for AFFINMAX Website to authenticate Customer's access.</p> <p>Bermaksud satu rentetan aksara yang dimasukkan oleh Pelanggan bagi membolehkan laman sesawang AFFINMAX mengesahkan akses Pelanggan.</p>
<p>'Content' 'Kandungan'</p>	<p>Means all materials, information, graphics, texts, images, links, advertisements and data appearing or contained in the AFFINMAX Website, including the materials and content relating to the AFFINMAX.</p> <p>Bermaksud sebarang dan semua bahan, maklumat, grafik, teks, imej, pautan, iklan dan data yang muncul atau terkandung dalam laman sesawang, termasuk bahan dan kandungan yang berkaitan dengan AFFINMAX.</p>
<p>'Profile(s)' 'Profil'</p>	<p>Means all and any of the different categories of Users profile created and set by the Customer with the use of the System Administrator ID and Corp ID, by which the Customer regulates and fixes its framework of checks and balances for the operation of the AFFINMAX.</p> <p>Bermaksud sebarang dan mana-mana kategori berlainan profil Pengguna yang dicipta dan ditentukan oleh Pelanggan dengan menggunakan ID Pentadbir Sistem dan ID Syarikat, dengan mana Pelanggan mengawal dan menyelia rangka kerja semak dan imbang operasi AFFINMAX.</p>
<p>'Application Form' 'Borang Permohonan'</p>	<p>Means the form(s) known as the 'AFFINMAX Application Form' of AFFINMAX submitted to the Bank by the Customer which identifies the AFFINMAX applied for by the Customer from time to time for its access and/or use through the Website.</p> <p>Bermaksud borang yang dikenali sebagai "Borang Permohonan AFFINMAX" yang diserahkan kepada Bank oleh Pelanggan yang mengenal pasti AFFINMAX tertentu yang dipohon oleh Pelanggan bagi memperolehi akses dan/atau penggunaan melalui laman sesawang dari semasa ke semasa.</p>
<p>'User' 'Pengguna'</p>	<p>Means Corporate System Administrator, Corporate Maker and/or any User(s).</p> <p>Bermaksud Pentadbir Sistem Syarikat, Penentu Korporat dan/atau Pengguna.</p>
<p>'Corporate ID' 'ID Syarikat'</p>	<p>Means the Company Registration Number as per registered with Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).</p> <p>Bermaksud Nombor Pendaftaran Syarikat sebagai mana yang didaftarkan di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).</p> <p>Customer will require to key in the given Company ID during First Time Login and subsequent Login in AFFINMAX.</p> <p>Pelanggan mesti memasukkan ID Syarikat ketika Log Masuk Kali Pertama dan Log Masuk seterusnya di AFFINMAX.</p>
<p>'User ID' 'ID Pengguna'</p>	<p>Means the unique id made up a string of character chosen by Customer during Company Registration with the Bank, which must be keyed in by Customer together with Company ID to gain access to AFFINMAX.</p> <p>Bermaksud ID unik terdiri dari beberapa aksara yang dipilih oleh Pelanggan semasa Pendaftaran Syarikat dengan Bank, yang mesti dimasukkan oleh Pelanggan bersama ID Syarikat bagi memperolehi akses kepada AFFINMAX.</p>

<p>'Secret Word' 'Perkataan Rahsia'</p>	<p>Means an additional security layer that verifies the authenticity of the AFFINMAX login page.</p> <p>Bermaksud lapisan keselamatan tambahan yang memperakui kesahihan halaman Log Masuk AFFINMAX.</p> <p>Requirement for Secret Word is minimum 1 character and maximum 20-characters of alphanumeric. The Customer can self-change the Security Question if needed be upon successfully logged in at AFFINMAX.</p> <p>Syarat Perkataan Rahsia ialah minimum 1 aksara dan maksimum 20 aksara dari abjad angka. Pelanggan boleh mengubah Perkataan Rahsia sekiranya perlu setelah log masuk di AFFINMAX.</p>
<p>'Secret Image' 'Imej Rahsia'</p>	<p>Means an additional layer of security as the Customer need to select 1 (one) preferred image for self-recognition upon login at AFFINMAX.</p> <p>Bermaksud satu lapisan keselamatan tambahan bagi Pelanggan yang perlu memilih (1) satu imej bagi pengecaman sendiri selepas log masuk di AFFINMAX.</p> <p>Upon subsequent login in AFFINMAX, upon key in Corp ID and User ID, system will display Predefined Secret Image as per selected during First Time Login. Customer can self-change the Security Image if needed be upon successfully logged in at AFFINMAX.</p> <p>Selepas log masuk di AFFINMAX, selepas memasukkan ID Syarikat dan ID Pelanggan, sistem akan memaparkan Imej Rahsia yang dipilih semasa Log Masuk Kali Pertama. Pelanggan boleh menukar sendiri Imej Rahsia sekiranya perlu selepas berjaya log masuk ke dalam AFFINMAX.</p>
<p>'Security Question' 'Soalan Keselamatan'</p>	<p>Means an additional layer of security as the Customer need to select 3 (three) Security Question from the listed Security Questions in AFFINMAX.</p> <p>Bermaksud lapisan keselamatan tambahan bagi Pelanggan yang perlu memilih 3 (tiga) Soalan Keselamatan dari senarai Soalan Keselamatan di AFFINMAX.</p> <p>The Customer can self-change the Security Question if needed be upon successfully logged in at AFFINMAX.</p> <p>Pelanggan boleh menukar sendiri Soalan Keselamatan sekiranya perlu selepas berjaya log masuk ke dalam AFFINMAX.</p>
<p>'Payee Corporation' 'Syarikat Penerima'</p>	<p>Means those corporations, companies' entities or bodies approved by the Bank from time to time and displayed on the AFFINMAX Bill Payment screen.</p> <p>Bermaksud kesemua korporat, entiti syarikat atau perbadanan yang diluluskan oleh Bank dari semasa ke semasa dan dipaparkan di skrin Pembayaran Bil AFFINMAX.</p>
<p>'Ringgit Malaysia or MYR'</p>	<p>Means the lawful currency of Malaysia.</p> <p>Bermaksud matawang yang sah di Malaysia.</p>
<p>'Terms and Conditions' 'Terma dan Syarat'</p>	<p>Means these Terms and Conditions governing the provision of the AFFINMAX and shall include the AFFINMAX Application Form for Selection of AFFINMAX, the letter(s) of acknowledgement of Customer's offer (including any annexures) issued by the Bank to the Customer from time to time in relation to the AFFINMAX and where applicable, the Standard Terms; together with any reasonable variations made from time to time to any of the foregoing with prior notice will be given to the Customer before variations shall be implemented.</p>



	<p>Bermaksud Terma dan Syarat ini mengawal peruntukan AFFINMAX dan meliputi Borang Permohonan AFFINMAX bagi Pemilihan AFFINMAX, surat perakuan tawaran Pelanggan (termasuk sebarang penambahan) yang dikeluarkan oleh Bank kepada Pelanggan dari semasa ke semasa yang berkaitan dengan AFFINMAX dan dimana sesuai, Terma Standard; berserta sebarang perubahan munasabah yang dilakukan dari semasa ke semasa kepada semua yang disebut diatas dengan notis terlebih dahulu akan diberikan kepada Pelanggan sebelum perubahan dapat dilaksanakan.</p>
<p>'Standard Terms' 'Terma Standard'</p>	<p>Means any (a) guidelines, policies, rules, procedures, terms and conditions determined by the Bank; and/or (b) terms and conditions accepted by the Customer or entered into between the Customer (or within similar person) and the Bank (including letters of offer and agreements); from time to time for and in connection with the Account(s), the Banking products and/or services under the AFFINMAX together with any reasonable variations made from time to time to any of the foregoing with prior notice will be given to the Customer before variations shall be implemented.</p> <p>Bermaksud sebarang (a) garis panduan, polisi, terma dan syarat yang ditentukan oleh Bank; dan/atau (b) terma dan syarat yang diterima oleh Pelanggan atau dimasukkan antara Pelanggan (atau dengan orang yang berkaitan dengannya) dengan Bank (termasuk surat tawaran dan perjanjian); dari semasa ke semasa dan berkaitan dengan Akaun, produk Perbankan dan/atau perkhidmatan dibawah AFFINMAX berserta sebarang perubahan munasabah yang dilakukan dari semasa ke semasa kepada semua yang disebut diatas dengan notis terlebih dahulu akan diberikan kepada Pelanggan sebelum perubahan dapat dilaksanakan.</p> <p>Also means any guidelines, policies, rules, procedures, terms and conditions determined by the Bank from time to time for and in connection with the operation of the Subsidiary Account(s) together with any reasonable variations made from time to time to any of the foregoing with prior notice will be given to the Customer before variations shall be implemented.</p> <p>Ia juga bermaksud sebarang garis panduan, polisi, peraturan, prosedur, terma dan syarat yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa dan berkaitan dengan operasi Akaun Anak Syarikat berserta sebarang perubahan munasabah yang dilakukan dari semasa ke semasa kepada semua yang disebut diatas dengan notis terlebih dahulu akan diberikan kepada Pelanggan sebelum perubahan dapat dilaksanakan.</p>
<p>'Maker' 'Maker'</p>	<p>Person appointed by the corporate to initiate transaction (monetary/non-monetary) via data entry and file upload.</p> <p>Orang yang dilantik oleh syarikat untuk membuat transaksi (kewangan/bukan kewangan) melalui kemasukan data dan muat naik fail.</p>
<p>'Authoriser' 'Authoriser'</p>	<p>Person appointed by the company to authorise transaction (monetary/non-monetary) via Physical token or AFFINMAX SECURE.</p> <p>Orang yang dilantik oleh syarikat untuk meluluskan transaksi (kewangan/bukan kewangan) melalui Token Fizikal / AFFINMAX SECURE.</p>
<p>'System Administrator' 'Pentadbir Sistem'</p>	<p>Means the authorized representative of the Customer identified in the AFFINMAX Application Form who is authorized to act on behalf of the Customer as the system administrator to create the User(s) Profile and User entitlement, which person may be changed by the Customer from time to time.</p> <p>Bermaksud wakil yang dibenarkan oleh Pelanggan sebagaimana yang dikenal pasti dalam Borang Permohonan AFFINMAX yang dibenarkan untuk bertindak bagi</p>



	<p>pihak Pelanggan sebagai pentadbir sistem untuk mewujudkan Profil Pengguna dan kelayakan Pengguna, dimana wakil tersebut boleh diganti oleh Pelanggan dari semasa ke semasa.</p>
<p>'System Approver' 'Pelulus Sistem'</p>	<p>Means the authorized representative of the Customer identified in the AFFINMAX Application Form who is authorized to act on behalf of the Customer as the system approver to approve the creation of the User(s) Profile and User entitlement, which person may be changed by the Customer from time to time.</p> <p>Bermaksud wakil yang dibenarkan oleh Pelanggan sebagaimana yang dikenal pasti dalam Borang Permohonan AFFINMAX yang dibenarkan untuk bertindak bagi pihak Pelanggan sebagai pelulus sistem untuk meluluskan Profil Pengguna dan kelayakan Pengguna yang dicipta, di mana wakil tersebut boleh diganti oleh Pelanggan dari semasa ke semasa.</p>
<p>'Transaction Authentication Code (TAC)' 'Kod Pengesahan Transaksi'</p>	<p>Means the second layer six-digit security code implemented for AFFINMAX First Time Login and Reset Password.</p> <p>Bermaksud kod keselamatan lapisan kedua yang dilaksanakan bagi Log Masuk Kali Pertama AFFINMAX dan Mengeset Semula Kata Laluan.</p>
<p>'Challenge Code' 'Kod Cabaran'</p>	<p>Means the unique code generated during Transaction Approval page in AFFINMAX. The code consists of 6-numeric digit to be enter at Physical Token during approval/rejection.</p> <p>Bermaksud kod unik yang dihasilkan di halaman Kelulusan Transaksi di AFFINMAX. Kod tersebut terdiri daripada 6-digit angka yang dimasukkan di Token Fizikal ketika pelulusan/penolakan.</p>
<p>'Authorisation Code' 'Kod Kebenaran'</p>	<p>Means the unique code generated from Physical Token used for approval/rejection in AFFINMAX. The code consists of 6-numeric digit that Customer required to enter at AFFINMAX pending approval page.</p> <p>Bermaksud kod unik yang dihasilkan oleh Token Fizikal yang digunakan untuk melulus/menolak dalam AFFINMAX. Kod tersebut terdiri daripada 6-digit angka yang memerlukan Pelanggan untuk memasuki ke dalam halaman Kelulusan Transaksi.</p>
<p>'Token'</p>	<p>Means an electronic device issued by the Bank to the Customer for purposes of generating a Token Passcode.</p> <p>Bermaksud peralatan elektronik yang dikeluarkan oleh Bank kepada pelanggan bagi tujuan mengeluarkan Kod Laluan Token.</p>
<p>'PICO Token' 'Token PICO'</p>	<p>Means a compact physical token that combines convenience with strong authentication for any transaction's approval/rejection in AFFINMAX.</p> <p>Bermaksud token fizikal padat yang menggabungkan kemudahan dengan pengesahan yang kukuh bagi sebarang kelulusan/penolakan transaksi.</p>
<p>'AFFINMAX SECURE'</p>	<p>Means a type of two-factor (2FA) Authentication security device that used to authorize/reject any transactions in AFFINMAX. Customer is required to enter the unique 6-digit of self-created PIN at AFFINMAX during transaction(s) approval/rejection.</p> <p>Bermaksud peralatan Pengesahan keselamatan jenis dua-faktor (2FA) yang digunakan bagi meluluskan/menolak sebarang transaksi di AFFINMAX. Pelanggan dikehendaki memasukkan 6-digit unik PIN yang dihasilkan sendiri di AFFINMAX ketika meluluskan/menolak transaksi.</p>

<p>'PIN'</p>	<p>Means a 6-digit of self-created PIN at AFFINMAX during transaction(s) approval/rejection in AFFINMAX SECURE application.</p> <p>Bermaksud 6-digit yang terhasil sendiri menerusi nombor pengenalan diri di dalam AFFINMAX ketika kelulusan /penolakan transaksi dalam permohonan AFFINMAX SECURE.</p> <p>This PIN can be customized and updated by user at AFFINMAX anytime. The new created Pin will take immediate effect after changed successfully in AFFINMAX.</p> <p>PIN ini boleh disuaikan dan dikemaskini oleh Pelanggan di AFFINMAX pada bila-bila masa. PIN yang baru dihasilkan boleh digunakan serta-merta sebaik sahaja diluluskan di AFFINMAX.</p>
<p>'SMS Token' 'Token SMS'</p>	<p>The SMS OTP (One Time Password) token creates an OTP value and sends this OTP value to the registered mobile number of the user.</p> <p>SMS OTP (Kata Laluan Sekali Guna) token menghasilkan satu nilai OTP yang dihantar kepada nombor telefon bimbit Pengguna yang berdaftar.</p> <p>In other words, user will receive a 6-digit unique OTP sent via SMS which is tied to user's mobile number in AFFINMAX. This OTP will be used for any changes request on the user's profile (ie: changing secret word/secret image/security question/etc.).</p> <p>Dalam kata lain, Pengguna akan menerima OTP 6-digit unik yang dihantar melalui sms yang terikat kepada nombor telefon bimbit di AFFINMAX. OTP ini digunakan bagi permohonan perubahan kepada profil pengguna (menukar perkataan rahsia/imej rahsia/soalan keselamatan/dsb).</p>
<p>'Transaction(s)' 'Transaksi'</p>	<p>Means any AFFINMAX Cash Management Service transaction(s), or series thereof, conducted on the Website and which may only be affected by the Customer by communicating Instructions and where applicable, providing Transaction Document(s) to the Bank in accordance with the Bank procedures.</p> <p>Bermaksud sebarang transaksi Perkhidmatan Pengurusan Tunai AFFINMAX, atau yang bersiri, dijalankan di laman sesawang dan hanya boleh diuruskan oleh Pelanggan dengan arahan komunikasi dan di mana sesuai, menyediakan Dokumen Transaksi kepada Bank selari dengan prosedur Bank.</p>
<p>'Transaction History' 'Sejarah Transaksi'</p>	<p>Means the list of all confirmed/rejected/successful transaction(s) effected on the Customer's accounts and which may be viewed using AFFINMAX for a period determined by the Bank.</p> <p>Bermaksud senarai kesemua transaksi yang disahkan/ditolak/berjaya memberi kesan kepada akaun Pelanggan dan boleh dilihat menggunakan AFFINMAX bagi jangka waktu yang ditetapkan oleh Bank.</p>
<p>'Third Party Account' 'Akaun Parti Ketiga'</p>	<p>Means other account(s) that may or may not belong to the Customer, maintained at the Bank or other bank(s), payee corporations, affiliates and establishment which the Customer can credit funds to or make payments using AFFINMAX.</p> <p>Bermaksud lain-lain akaun yang dimiliki atau tidak dimiliki oleh Pelanggan, diselenggara di Bank atau lain-lain bank, syarikat penerima, ahli gabungan dan pertubuhan yang boleh dikreditkan dana kepada Pelanggan atau membuat bayaran menggunakan AFFINMAX.</p>

<p>'Website' 'Laman Sesawang'</p>	<p>Means AFFINMAX or any other address as shall be determined and notified by the Bank from time to time. Use of the expressions 'we', 'us', 'the Bank' and 'our' means the Bank, while use of the expressions 'you' and 'your' means the Customer and any third party authorised by the Customer to access and use of AFFINMAX.</p> <p>Bermaksud AFFINMAX atau sebarang alamat yang akan ditentukan dan diberitahu oleh Bank dari semasa ke semasa. Penggunaan perkataan 'kami', 'kita', 'Bank' bermakna Bank sementara perkataan 'dan' bermakna Pelanggan dan sebarang pihak ketiga yang dibenarkan oleh Pelanggan untuk mengakses laman sesawang ini dan menggunakan AFFINMAX.</p>
<p>'AFFINMAX Mobile'</p>	<p>Means a mobile application that is provided for Affin Bank Berhad / Affin Islamic Bank Berhad ("The Bank") corporate users. The application aims to give flexibility for corporate users to get account balance information and authorize transactions out of office.</p> <p>Bermaksud ianya adalah Aplikasi Mudah Alih yang disediakan untuk para pengguna Korporat Affin Bank Berhad / Affin Islamic Bank Berhad ("Bank"). Aplikasi ini bertujuan untuk memberikan kestabilan kepada para pengguna korporat dalam mendapatkan maklumat baki akaun dan meluluskan transaksi diluar pejabat.</p>
<p>'Biometric Feature' 'Ciri Biometrik'</p>	<p>Means analysis of unique physical or behavioral characteristics (such as fingerprint or face recognition) especially in verifying personal identity.</p> <p>The introduced feature consists of Fingerprint &amp; Face Recognition. This is to enable customer to access AFFINMAX Mobile application without entering any password.</p> <p>Bermaksud suatu analisis fizikal yang unik atau ciri tingkah laku (seperti cap jari atau pengecaman wajah) terutamanya dalam pengesahan identiti peribadi.</p> <p>Ciri pengenalan ini terdiri dari Cap Jari &amp; Pengecaman Wajah. Ini membolehkan para pengguna mengakses aplikasi Mudah Alih AFFINMAX tanpa perlu memasukkan sebarang kata laluan.</p>
<p>'Fingerprint' 'Cap Jari'</p>	<p>Means analysis of unique physical characteristics (such as fingerprint) especially in verifying personal identity.</p> <p>Bermaksud suatu analisis ciri fizikal yang unik (seperti cap jari) terutamanya dalam pengesahan identiti peribadi.</p>
<p>'Face Recognition' 'Pengecaman Wajah'</p>	<p>Means analysis of unique physical or behavioral characteristics (such face recognition) especially in verifying personal identity.</p> <p>Bermaksud suatu analisis ciri fizikal yang unik atau ciri tingkah laku (seperti pengecaman wajah) terutamanya dalam pengesahan identiti peribadi.</p>
<p>'App Tracking Transparency Feature'  'Ciri Penjejakan Ketelusan Aplikasi'</p>	<p>An enhanced feature by Apple through its Apple Guideline that requires applications to ask permission for tracking of user activity across other companies' apps and websites. This requirement by Apple only applies to iOS, iPadOS and tvOS with version 14.5 and above.</p> <p>User may enable/disable the feature via Setting &gt; Privacy &gt; Tracking menu.</p> <p><i>Ciri yang dipertingkatkan oleh Apple melalui Garis Panduan Apple yang memerlukan aplikasi meminta kebenaran untuk menjejaki aktiviti pengguna di aplikasi dan laman web syarikat lain. Keperluan ini hanya melibatkan iOS, iPadOS and tvOS dengan versi 14.5 dan ke atas.</i></p>

	<i>Pengguna boleh mengaktifkan / menyahaktifkan ciri tersebut melalui menu Tetapan &gt; Privasi &gt; Penjejakan.</i>
--	--

#### 4. General

##### Umum

- 4.1** The information, products and services described or offered in this Website are not intended for distribution to, or use by, any person or entity in any jurisdiction or country where such distribution or use would be contrary to law or regulation or which would subject the Bank or its subsidiaries or affiliates to any registration requirement within such jurisdiction or country.

Segala maklumat, produk dan perkhidmatan yang diterangkan atau ditawarkan dalam laman sesawang ini tidak bertujuan untuk diedarkan atau digunakan oleh mana-mana orang perseorangan atau entiti dalam mana-mana bidang kuasa atau negara bila mana edaran tersebut atau penggunaannya menyalahi undang-undang atau peraturan atau menyebabkan Bank atau anak syarikatnya atau ahli gabungannya kepada sebarang kewajipan pendaftaran dalam bidang kuasa atau negara tersebut.

- 4.2** The materials, information (including opinions and recommendations) and functions provided in this Website shall not under any circumstances be considered or construed as an offer or solicitation to sell, buy, give, take, issue, allot or transfer, or as the giving of any advice in respect of shares, stocks, bonds, notes, interests profits, unit trusts, mutual funds or other securities, investments, loans/financing, advances, credits or deposits in any jurisdiction.

Semua bahan, maklumat (termasuk pendapat dan cadangan) dan fungsi yang disediakan dalam laman sesawang ini, tidak boleh dalam sebarang keadaan untuk dipertimbangkan atau disalah ertikan sebagai satu tawaran atau umpan untuk menjual, membeli, mengambil, mengeluarkan, memperuntukan atau memindahkan, atau memberi sebarang nasihat berhubung dengan saham, stok, bon, not, faedah keuntungan, unit amanah, dana bersama atau lain-lain keselamatan, pelaburan, pinjaman/pembiayaan, pendahuluan, kredit atau deposit dalam mana-mana bidang kuasa.

#### 5. The Agreement

##### Perjanjian

- 5.1** These Terms and Conditions and all supplements, amendments and variations in this document shall collectively constitute the agreement between the Customer and the Bank ('the Agreement') and shall apply to all AFFINMAX services. The Terms and Conditions operate in conjunction with the respective terms and conditions including rules and regulations applicable to the Account(s) of the Customer. In the event there are any Terms and Conditions that the Customer does not understand, the Customer is hereby advised to discuss further with the Bank's staff, representative or agent.

Terma dan Syarat yang disebutkan di sini termasuk segala tambahan, perubahan dan variasi kepadanya secara keseluruhannya membentuk perjanjian antara Pelanggan dan Bank (Perjanjian) dan diguna pakai dalam semua perkhidmatan AFFINMAX. Terma dan Syarat ini beroperasi sejajar dengan terma dan syarat termasuk peraturan dan undang-undang berkaitan dengan Akaun Pelanggan. Sekiranya terdapat sebarang Terma dan Syarat yang tidak difahami oleh Pelanggan, Pelanggan dengan ini dinasihatkan untuk berbincang lanjut dengan kakitangan, wakil atau ejen Bank.

- 5.2** In the event of any conflict or inconsistency between the Terms and Conditions herein and the terms and conditions and rules and regulations governing the relevant Account(s), the latter shall prevail for purposes of interpretation and enforcement but only to the extent of such conflict or inconsistency.

Seandainya terdapat sebarang konflik atau keadaan yang tidak konsisten antara Terma dan Syarat di sini dengan syarat dan peraturan dan undang-undang yang mentadbir Akaun, maka syarat dan peraturan dan undang-undang yang kedua akan diguna pakai untuk tujuan tafsiran dan penguatkuasaan tetapi hanya terbatas kepada konflik dan ketidakselarasan itu.

## **6. Reliance on the Customer's own judgment**

### **Pergantungan kepada penilaian Pelanggan**

- 6.1** Although this Website may contain or provide access or links to information, opinions or recommendations on products and services of the Bank or other parties, the Bank does not represent that such products or services, opinions or recommendations are suitable for the Customer. All transactions are done at the Customer's risk and responsibility and in reliance only upon the Customer's own judgment in which the Customer are to make the Customer's own independent evaluation of the suitability of the recommendations, products and services obtained, offered or accessed through this Website. Further the Customer should always seek professional advice and obtain independent verification of the materials and information provided herein prior to making any investment, business or commercial decision based on any such materials or information. Unless directly caused by the Bank's negligence, default or fraud, the Bank shall have no responsibility or liability to the Customer in respect of any opinions or recommendations expressed by it or any other parties on this site. None of the information, opinions or recommendations contained in this site constitutes a solicitation or offer by the Bank to sell/buy any products or services, provide any investment or financial advice or an invitation to enter into any legally binding contract or arrangement with the Customer. The Customer's eligibility for any particular products or services is subject to the final determination and acceptance by the Bank.

Walaupun laman ini mungkin mengandungi atau menyediakan akses atau pautan kepada maklumat, pendapat dan cadangan kepada produk dan perkhidmatan Bank atau lain-lain pihak, Bank tidak menjamin bahawa produk atau perkhidmatan tersebut sesuai untuk Pelanggan. Semua transaksi dilakukan atas risiko dan tanggungjawab Pelanggan sendiri yang bergantung kepada penilaian Pelanggan di mana Pelanggan perlu membuat penilaian bebas atas kesesuaian cadangan, produk dan perkhidmatan yang diperolehi, ditawarkan atau diakses melalui laman sesawang ini. Tambahan lagi, Pelanggan sewajarnya mendapatkan nasihat profesional pada setiap waktu dan pengesahan bebas berkenaan bahan dan maklumat yang diperolehi di sini sebelum membuat sebarang pelaburan, keputusan perniagaan atau komersial berdasarkan sebarang bahan atau maklumat. Melainkan disebabkan oleh kecuaihan, kegagalan atau penipuan Bank secara langsung, Bank tidak bertanggungjawab atau menanggung liabiliti kepada Pelanggan melalui sudut pendapat atau cadangan olehnya atau lain-lain pihak di laman sesawang ini. Tiada sebarang maklumat, pendapat atau cadangan yang terkandung dalam laman sesawang ini merupakan pengumuman atau tawaran oleh Bank untuk membeli/menjual sebarang produk atau perkhidmatan, menyediakan pelaburan atau khidmat kewangan atau jemputan untuk mengikat sebarang bentuk kontrak yang sah di sisi undang-undang atau perjanjian melibatkan Pelanggan. Kelayakan Pelanggan untuk menikmati mana-mana produk atau perkhidmatan tertakluk kepada penentuan dan penerimaan akhir Bank.

## **7. Disclaimer**

## Penafian

**7.1** The Bank has taken reasonable care to ensure the accuracy of information materials and content given directly and exclusively by the Bank. However, the information, materials and contents provided by the Bank on this Website are provided on an 'as is' basis and are of a general nature and shall be subject to the Customer's obligation to take independent legal, financial or other advice as the Customer shall deem necessary. The Bank hereby does not have obligation for the risk occurred from any error, mistakes, inaccuracies and representation of data and information and other matters pursuant to the use of the AFFINMAX unless directly caused by the Bank's negligence, default or fraud. Neither the Bank, nor any other parties involved in the creation, production or delivery of the AFFINMAX assume any responsibilities with respect to the Customer's use of the Website. No oral or written information or advice given by the Bank, its agents or the employees shall create a warranty or in any way increase the scope of this warranty and the Customer shall not rely on any such information or advice. Unless directly caused by the Bank's negligence, default or fraud, the Bank does not have obligation for damage incurred or suffered by the Customer, or any other person because of using the AFFINMAX on the Internet. The Bank does not warrant or represent that access to the whole or part(s) of this Website, the materials, contents, information and/or functions contained therein will be provided uninterrupted or free from errors or that any identified defect shall be corrected, or that there shall be no delays, failures, errors or loss of transmitted information, that no viruses or other contaminating or destructive properties shall be transmitted or that no damage shall occur to the Customer's computer system.

Bank telah berusaha dengan sebaiknya bagi memastikan ketepatan maklumat dan isi kandungan yang dikeluarkan secara eksklusifnya oleh Bank. Walaupun begitu, semua maklumat, bahan dan kandungan yang disediakan oleh Bank dalam laman sesawang ini disediakan secara asasnya bersifat 'seperti adanya' dan bersifat umum dan terserah kepada pilihan Pelanggan untuk mendapatkan nasihat undang-undang, kewangan atau selain itu sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Pelanggan. Bank dengan ini tidak akan menanggung risiko atas sebarang kesilapan, kesalahan, ketidaktepatan penyampaian data dan maklumat dan lain-lain hal yang membawa kepada penggunaan AFFINMAX melainkan disebabkan oleh kecuaiannya, kegagalan atau penipuan Bank secara langsung. Bank maupun sebarang pihak yang terlibat dalam pembentukan, penghasilan dan penyampaian AFFINMAX tidak bertanggungjawab atas penggunaan Pelanggan. Tidak ada sebarang maklumat secara lisan atau tulisan atau nasihat yang diberi oleh Bank, agen atau kakitangannya yang boleh menjadi jaminan atau meningkatkan skop jaminan dan Pelanggan tidak boleh bersandar kepada maklumat atau nasihat sedemikian. Melainkan disebabkan oleh kecuaiannya, kegagalan atau penipuan Bank secara langsung, Bank tidak mempunyai kewajipan atas sebarang kerugian, kerosakan yang berlaku atau yang dialami oleh Pelanggan, atau sesiapa sahaja akibat menggunakan AFFINMAX dalam internet. Bank tidak menjamin bahawa akses kepada seluruh atau sebahagian dari laman sesawang, bahan, kandungan, maklumat dan/atau fungsi yang terkandung dalamnya dapat disediakan tanpa sebarang gangguan atau bebas dari sebarang kesilapan atau sebarang kecacatan akan diperbetulkan tanpa sebarang kelengahan, atau tidak akan wujud sebarang kelewatan, kegagalan, kesilapan atau kehilangan maklumat yang disampaikan, tiada virus atau sebarang sifat mencemar atau merosakkan yang boleh disalurkan dan tiada sebarang kerosakan boleh berlaku kepada sistem komputer pelanggan.

## 8. Links

### Pautan

**8.1** The links from or to websites outside this Website are provided for convenience only. As such linked websites are under the control and ownership of third parties, the Bank does not have the obligation for access to such links, nor the products, services, information, materials or contents of such websites.



Also, the Bank does not have the obligation for the status of such links or any links contained in a linked website nor the products, services, information, material and/or contents therein unless directly caused by the Bank's negligence, default or fraud. Furthermore, the links provided in the Website shall not be considered or construed as an endorsement or verification of such linked websites or the contents therein by the Bank. When the above links are accessed, the Customer will exit from the Website and the Bank's Privacy Policy as well as the Bank's Client Charter shall cease to apply. The Customer is subject to the conditions of access and/or privacy policy of such linked websites and the Customer hereby agrees that the Customer is accessing such linked websites at the Customer's own risk. The Customer shall bear all risks and assume sole responsibility for accessing these other websites or portals through the links provided in the Website and the Bank shall not be liable for any loss or damage that may be incurred as a result of such access.

Semua pautan dari atau kepada mana-mana laman sesawang di luar laman sesawang ini disediakan hanya sebagai kemudahan. Oleh kerana laman sesawang yang dipautkan berada di bawah kawalan dan milik pihak ketiga, Bank tidak mempunyai kewajipan bagi sebarang akses kepada pautan-pautan tersebut sama ada dari segi produk, perkhidmatan, maklumat, bahan atau kandungan laman-sesawang tersebut kecuali disebabkan oleh kecuaiian, kegagalan atau penipuan Bank secara langsung. Juga, Bank tidak mempunyai kewajipan untuk status pautan tersebut atau sebarang pautan yang terkandung dalam laman sesawang yang dipautkan atau produk, perkhidmatan, maklumat, bahan dan/atau kandungan di dalamnya melainkan disebabkan oleh kecuaiian, kegagalan atau penipuan Bank secara langsung. Tambahan lagi, pautan yang disediakan dalam laman sesawang tidak boleh dianggap atau diterima sebagai sokongan atau pengesahan laman sesawang tersebut iaitu oleh Bank. Apabila pautan tersebut diakses, Pelanggan akan keluar dari Laman Sesawang dan Polisi Kerahsiaan dan Piagam Pelanggan kami juga tidak boleh diaplikasikan lagi. Maka, Pelanggan tertakluk di bawah syarat akses dan/atau polisi kerahsiaan laman sesawang yang dipautkan dan Pelanggan bersetuju bahawa sebarang risiko yang wujud ketika Pelanggan mengakses laman-laman tersebut ditanggung oleh Pelanggan. Pelanggan akan menanggung semua risiko dan mengambil tanggungjawab atas tindakan mengakses laman-laman atau portal lain melalui pautan yang disediakan di dalam laman sesawang dan Bank tidak akan bertanggungjawab bagi sebarang kehilangan atau kerosakan yang mungkin berlaku dalam akses yang sedemikian.

## **9. Privacy Clause**

### **Klausa Privasi**

**9.1** The Customer is reminded to read and understand the Bank's Privacy Notice available on [www.affingroup.com](http://www.affingroup.com) and [www.affinalways.com](http://www.affinalways.com)

